

Tingkat bilangan penuntut pascasiswazah

UPM sasar 20 peratus



>>Oleh Rosyahaida Abdullah

rosyahaida@hmetro.com.my

SERDANG: Selaras kepupayaannya yang terkenal sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) berteraskan penyelidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menyasarkan peningkatan 20 peratus bagi bilangan penuntut pascasiswazahnya menjelang 2015.

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Prof Dr Bujang Kim Huat (*gambar*) berkata, pada tahun ini, bilangan penuntut program berkenaan sudah mencecah 11,000 dan sasaran itu akan mampu dicapai dengan sokongan rekod pendaftaran yang menunjukkan peningkatan saban tahun.

Katanya, bagi penuntut program Doktor Falsafah (PhD) saja, pihaknya menjangkakan 400 penuntut akan menamatkan pengajian masing-masing di UPM pada tahun ini berbanding 365 pada 2011.

“UPM adalah satu-satunya



universiti yang menawarkan program perubatan veterinar bahkan turut melahirkan graduan pascasiswazah paling ramai khusus bagi bidang kejuruteraan.

“Justeru, kami komited untuk memastikan sasaran ini dapat disempurnakan ditambah dengan pelbagai kemudahan yang disediakan untuk penuntut termasuk bantuan kewangan seperti biasiswa,” katanya kepada pemberita pada Hari Terbuka dan Pameran Pascasiswazah 2012 di UPM di sini, semalam.

Menurut beliau, ketika ini, kira-kira 30 peratus daripada bilangan penuntut pascasiswazah UPM terdiri daripada penuntut luar dan beliau menyasarkan jumlah itu akan terus meningkat antara

15 hingga 20 peratus pada tahun-tahun akan datang.

“Bilangan penuntut luar sekarang ini sudah mencukupi di UPM. Fokus kita bukan sekadar menarik mereka untuk melanjutkan pengajian di sini malah mahu meningkatkan kualiti pembelajaran dalam semua bidang yang ditawarkan.

“Namun, tidak dapat dinafikan jumlah penuntut luar di peringkat prasiswazah masih rendah dengan hanya kira-kira tiga peratus daripada jumlah keseluruhan. Kita harapkan bilangan ini meningkat menjadi lima peratus kelak,” katanya.

Sementara itu, hari terbuka terbabit yang bermula sejak kelmarin menawarkan pendaftaran kepada penuntut tahun akhir mahupun orang ramai yang berminat melanjutkan pengajian pascasiswazah mereka di UPM dengan yuran proses pendaftaran tidak dikenakan sepanjang dua hari karnival berlangsung.

Bagi Mohamed Sadegh Bijaudi, 45, pengkhususan dalam bidang penyelidikan di UPM menjadikannya yakin untuk melanjutkan pengajian PhD dalam Pentadbiran Pendidikan di situ di samping kemudahan pembelajaran yang lengkap.